

23/03/2003

Masih ada orang Islam keliru siapa itu ulama

Syed Akbar Ali

SEKALI lagi Barat mengambil kesempatan untuk membelasah umat Islam. Amerika, Britain dan Australia boleh mengebom dan menghancurkan sebuah lagi negara Islam tanpa sebarang bantahan atau tindak balas yang berguna atau bermakna daripada orang Islam.

Barat mencipta istilah songsang tetapi tepat seperti 'Clash of Civilizations' atau Pertembungan Peradaban untuk menghalalkan keganasan mereka yang pasti akan berlaku kerana peradaban Barat dan tamadun Islam zaman moden ini jauh berbeza seperti siang dan malam. Pada zaman silam pun tamadun Barat bertembung dengan Islam tetapi pada waktu itu Barat yang selalu tewas.

Maksudnya 'pertembungan' itu tepat tetapi 'peradaban' bukanlah istilah yang mencerminkan kebenaran dalam keadaan sekarang antara orang Barat dengan umat Islam. Seperti mana penulis pernah sebut dulu, ini adalah satu

pertembungan antara orang yang menggunakan ilmu atau minda, iaitu orang Barat dengan orang yang tidak gunakan ilmu atau minda iaitu umat Islam.

Malang sekali makin lama masih ada orang Islam zaman moden yang keliru apa itu ilmu dan apa itu orang yang berilmu atau ulama sebenarnya. Orang Barat pula sungguh jelas. Maka pertembungan yang berlaku dan akan tetap berlaku adalah antara orang yang jelas dan orang yang masih kabur mengenai

apa itu ilmu dan siapa sebenarnya ulama atau orang yang berilmu.

Secara kebetulan satu persidangan bertajuk; Seminar Antarabangsa Ulama Pewaris Nabi telah diadakan di Perlis, baru-baru ini. Walaupun banyak kertas kerja dibentangkan pada seminar itu, ia masih tidak memberi penjelasan kepada umat Islam tentang bahaya jurang yang besar antara orang

yang berilmu dengan mereka yang tidak berilmu. Walaupun orang yang berilmu

diberi penghormatan dan sanjungan tinggi, tetapi orang yang mungkin tidak

berilmu pun dinaikkan pangkatnya yang sebenarnya tidak akan membantu umat

Islam.

Pada seminar itu, Datuk Shahrir Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang menjadi sebahagian daripada Jabatan Perdana Menteri berkata, bahawa satu badan khas perlu ditubuhkan untuk bertanggungjawab menyelaras dan memantau institusi 'ulama' bagi memastikan

hanya golongan berkenaan yang benar-benar boleh memenuhi serta mematuhi kriteria dan fungsi sebagai 'ulama'.

Shahrir juga berkata, bahawa badan penyelaras ini akan bertanggungjawab

menganugerahkan pangkat 'ulama' kepada orang tertentu dan juga boleh menarik balik anugerah pangkat itu.

Tetapi malangnya Shahrir tidak mahu menjelaskan kedudukan beberapa badan

dan persatuan yang sekarang ini memberi gelaran 'ulama' kepada ahlinya setelah mengambil yuran beberapa ringgit saja. Juga mengelirukan ialah kenyataan Shahrir bahawa: "Pada masa ini ulama di Malaysia belum mempunyai satu badan yang berautoriti untuk menggabung serta mempertahankan keunggulan profesion mereka. Kita juga tidak mempunyai badan yang dapat menjaga kemuliaan institusi ulama dan membersihkannya daripada orang yang tidak berkelayakan".

Kalau begitulah keadaannya apakah tindakan selanjutnya yang harus diambil oleh Shahrir sebagai Ketua Pengarah Jakim terhadap persatuan dan institusi tertentu yang memberi gelaran 'ulama' kepada ahlinya yang sudi membayar yuran beberapa ringgit saja untuk mendapat gelaran 'ulama'? Apakah mereka ini semua sudah masuk dalam golongan orang yang berkelayakan?

Tetapi, perkara yang lebih aneh ialah, sebagai Ketua Pengarah Jakim, yang menjadi sebahagian daripada Jabatan Perdana Menteri, Shahrir mesti akur kepada ulil amrinya iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad yang juga menjadi pemimpin tertinggi Jakim. Dan dunia telah menjadi saksi akan kenyataan Dr Mahathir yang sungguh tepat dan seratus peratus benar bahawa tidak ada satu pun badan berkanun atau bertauliah di atas muka bumi Allah ini yang boleh memberi sijil atau tauliah 'ulama' kepada sesiapa pun.

Tetapi Shahrir pula menyatakan bahawa "keunggulan profesion ulama" perlu dipertahankan. Rupanya sebuah bidang profesional baru sudah muncul dalam negara kita yang tidak dikenali oleh Dr Mahathir sendiri dan juga tidak pernah dikenali sebelum ini dalam sejarah Islam. Universitia al-Azhar misalnya, yang mempunyai sejarah lebih seribu tahun menganugerahkan ijazah usul, fiqh, syariah, bahasa Arab dan sebagainya kepada penuntutnya tetapi tidak seorang pun pernah diberi ijazah atau sijil "ulama" daripada universiti itu.

Apabila penulis dijemput bertemu dengan Shahrir setelah beberapa orang yang membayar yuran itu membuat aduan tertentu terhadap penulis, Datuk Shahrir menunjukkan sedikit kekeliruan mengenai definisi 'ulama'.

Apabila penulis merujuk kenyataan Perdana Menteri bahawa tidak ada sesiapa pun yang boleh dianugerahkan pangkat rasmi sebagai 'ulama' Shahrir menjawab bahawa mengikut fahaman lazim dalam negara kita, orang tertentu diakui umum sebagai 'ulama'. Ini memang hakikatnya dalam negara kita tetapi sekali lagi ini tidak bermaksud bahawa ia benar.

Contohnya, mengikut kelaziman negara kita, orang yang memakai serban dan berjambang besar yang membawa nama Singh dikenali sebagai Benggali. Jika mereka menjual roti, roti itu dikenal sebagai roti Benggali. Tetapi sebenarnya orang yang memakai serban dan berjambang serta membawa nama Singh ialah orang Punjabi, bukannya Benggali. Benggali yang sebenarnya ialah ratusan ribu pekerja Bangladesh yang berada dalam negara kita yang berasal dari negara Benggala.

Umum tidak boleh disalahkan atas fahaman lazim tetapi mereka yang lebih

cerdik dan bertanggungjawab mesti memperjelaskan keadaan supaya rakyat umum tidak kekal dalam kekeliruan. Begitu juga, walaupun umum mempunyai fahaman yang lazim mengenai apa itu 'ulama' tetapi sebagai Ketua Pengarah

Jakim, Shahrir patut menjelaskan keadaan sebenarnya.

'Ulama' itu adalah jamak kepada perkataan alim yang bermaksud berilmu. Jadi siapakah orang berilmu? Sebuah buku berjudul Who Are The Ulema? ataupun "Siapakah Ulama" yang ditulis oleh Ghulam Ahmad Pervez memberi sedikit penjelasan mengenai ulama dari sudut pandangan al-Quran. Pervez merujuk ayat Quran berikut: "Dan jangan kamu mengikuti apa yang kamu tiada

ilmu mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan dan hati (al fuaad), setiap semuanya itu akan disoal. Dan jangan kamu berjalan di muka

bumi dengan sombong sesungguhnya kamu tidak dapat membelahi bumi dan kamu

tidak akan melebihi gunung yang tinggi" - Surah 17:36-37.

Maksudnya, jangan saja kita ikut dengan buta perkara yang kita tidak mempunyai ilmu mengenainya. Ilmu yang amat perlu sebelum kita boleh mempercayai sesuatu dan mengikutinya ialah ilmu yang berasaskan penglihatan, pendengaran dan pemahaman dalam hati kita atau akal.

Maka manusia yang berilmu atau 'ulama' ialah manusia yang menggunakan segala deria, akal dan otaknya. Ini bermaksud bahawa "ilmu" yang diperoleh

tanpa menggunakan penglihatan, pendengaran, akal atau otak itu bukanlah ilmu.

Contohnya, perdebatan yang tidak terhingga bahawa seseorang itu boleh berhubung dengan jin atau membela jin dalam botol adalah pembongkaran besar. Tetapi masih juga ada orang yang mengaku bercakap dengan jin dan berjinak dengan jin diberi gelaran ulama oleh umum dalam negara kita.

Perdebatan yang berasaskan andaian kosong dan hipotesis yang tiada terhingga, hujah abstrak yang tiada bukti nyata semua itu tidak termasuk dalam bidang ilmu. Contohnya, teori Charles Darwin yang mengatakan bahawa

manusia adalah proses evolusi daripada monyet masih tidak mempunyai sedikit pun bukti yang kukuh. Menurut kajian saintifik DNA, yang mana ulama sains telah memetakan DNA manusia (Human Genome Mapping), mereka mendapati bahawa semua DNA manusia berasal daripada satu sumber saja. Dalam rangkaian DNA ini mereka belum menjumpai sebarang kaitan dengan DNA

monyet.

Begitu juga 'ulama' Syiah suka berdebat bahawa jika diberi pilihan baginda Rasulullah pasti memilih bersandar di pangkuan anak saudaranya bernama Ali ketika baginda tenat dan bukan dalam ribaan isterinya bernama

Aishah. Perdebatan seperti ini bukan saja membuang masa tetapi ia tidak berasaskan bukti yang sah, yang berasaskan penglihatan, pendengaran atau penggunaan akal dan otak. Ia hanya omong kosong saja. Tetapi orang yang membuang masa mengejar profesion seperti ini masih boleh digelar 'ulama' oleh golongan tertentu.

Ayat Quran berikut memberi gambaran sungguh jelas mengenai siapakah ulama sebenarnya:

"Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda benar (ayat) bagi orang yang beriman. Dan pada penciptaan kamu dan apa yang

bertebaran

dari bintang yang melata adalah tanda-tanda (ayat) bagi kaum yang yakin. Dan dalam pergantian malam dan siang dan apa yang Allah turunkan dari langit dari rezeki lalu Dia menghidupkan dengannya bumi sesudah matinya dan perkisaran angin semuanya adalah tanda-tanda (ayat) bagi kaum yang berakal (ya'qiluun)." - Surah 45:3-5.

Orang yang berakal ialah mereka yang faham akan penciptaan manusia, faham penciptaan langit dan bintang, mereka faham mengenai pergantian siang dan malam dan penurunan hujan dan hidupan yang tumbuh di bumi.

Semua

ini merangkumi penggunaan akal manusia yang diestui ajaran Allah. Maka orang yang menggunakan akal bakal menjadi orang yang berilmu atau ulama sebenarnya.

Inilah ajaran Allah dan Rasul-Nya yang jelas. Jangan kita membazir masa

dan mengekalkan kekeliruan umat Islam mengenai siapa layak menjadi ulama,

bagaimana mempertahankan profesion ulama dan sebagainya.